

Malaysia berunding dengan Thailand

Usaha tainatkan ancaman PKM

Oleh HAMBALI A LATIFF

KUALA LUMPUR: Malaysia sedang berunding dengan Kerajaan Thailand dan beberapa pihak yang rapat dengan pucuk pimpinan Parti Komunis Malaysia (PKM) bagi mencari penyelesaian ke arah menamatkan perjuangan pengganas komunis.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perbincangan itu masih berjalan dengan kerjasama Thailand untuk menamatkan kegiatan gerila komunis di kedua-dua negara.

Oleh itu, katanya, kerajaan belum dapat memutuskan sama ada akan menerima atau menempatkan semula bekas pengganas komunis yang meletakkan senjata di Perkampungan Persahabatan seperti yang dilakukan oleh Thailand.

"Kita sedang berbincang dengan Thailand dan beberapa orang yang dipercayai ada hubungan rapat dengan PKM bagi mengatasi masalah itu," katanya.

Dianggarkan kini ada kira-kira 1,600 anggota komunis yang bersembunyi di Thailand dan 500 daripadanya berasal dari Malaysia. Daripada jumlah itu, hanya 75 orang keturunan Melayu.

Sehingga ini kira-kira 600 pengganas sudah menyerah diri kepada kerajaan Thailand dan seketengahnya masih ditempatkan di Perkampungan Persahabatan di Selatan Thailand.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini semalam, Datuk Seri Dr Mahathir berkata sebarang penyelesaian kepada masalah ini mestilah mengambil kira soal keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

Katanya, adalah tidak kena jika kerajaan tidak menjalankan usaha-usaha bagi mengatasi

masalah peperangan dengan pengganas komunis dan memikirkan cara-cara mengatasinya.

"Saya telah diberitahu oleh Thailand bahawa kerajaan negara itu bersetuju supaya pengganas yang sedia untuk memberhentikan kegiatan mereka, menetap di negara itu.

"Kita bersetuju mereka kekal di Thailand dan menjadi penduduk tetap negara itu," katanya.

Ditanya apakah kerajaan tidak memandang berat tindakan kerajaan Thailand menempatkan bekas pengganas itu berhampiran sempadan Malaysia, Perdana Menteri berkata: "Kita tidak dapat halang. Itu cara mereka."

Mengenai kemungkinan rundingan terus Malaysia dengan PKM, Perdana Menteri berkata, rundingan seperti itu tidak akan diadakan.

Beliau menolak kemungkinan rundingan seperti rundingan Baling antara kerajaan dan PKM, diadakan sekali lagi.

Umno buat poster: Muka 2

Baru-baru ini, akhbar Bangkok *Post* melaporkan bahawa PKM, selepas lebih 40 tahun berusaha untuk menggulingkan kerajaan Malaysia, sudah bersetuju meninggalkan perjuangan bersenjata dan keluar dari hutan dekat sempadan Thai-Malaysia.

Ia melaporkan Chin Peng, yang mengetuai PKM sejak akhir tahun 40-an, dijangka terbang dari China untuk mengesahkan perjanjian itu di Bangkok.

Bangkok Post berkata, PKM bersetuju menamatkan perjuangannya yang sekian lama itu selepas panglima Tentera Darat Thai, Jeneral Chavalit Yongchaiyudh berjanji memberi jaminan bertulis bagi melindungi keselamatan anggotanya dan hak mereka untuk mendapatkan kerakyatan Thai.

Akhbar itu berkata, pegawai-pegawai kanan Thai dan Malaysia berganding bahu berunding dengan pemimpin-pemimpin PKM untuk memastikan perjanjian ini.